

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keadaan ketidaksamaan, ketidakseimbangan, dan ketidakadilan ekonomi dan masalah sosial yang dihadapi oleh rakyat Malaysia semasa pandemik COVID-19 dan bagaimana masalah-masalah ini dapat diselesaikan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pandemik COVID-19 memberi kesan sosioekonomi dan kesejahteraan kepada rakyat Keluarga Malaysia. Kadar kemiskinan mutlak meningkat daripada 5.6 peratus (405.4 ribu isi rumah) pada tahun 2019 kepada 8.4 peratus (639.8 ribu isi rumah) pada tahun 2020. Manakala, kadar kemiskinan tegar juga meningkat dari 0.4 peratus (27.2 ribu isi rumah) kepada 1.0 peratus (78 ribu isi rumah). Pekali Gini meningkat dari 0.407 kepada 0.411, menunjukkan ketidaksamarataan antara isi rumah semakin melebar.

2. Kadar pengangguran meningkat dari 3.3 peratus (504.3 ribu isi rumah) pada tahun 2019 kepada 4.5 peratus (711.0 ribu isi rumah) pada tahun 2020. Berdasarkan kepada Laporan Survei Gaji & Upah 2020, purata gaji dan upah menyusut kepada RM2,933 pada tahun 2020 daripada RM3,224 pada tahun 2019 sebanyak 9.0 peratus. Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah menurun kepada RM5,873 pada tahun 2020 dari RM5,209 pada tahun 2019 sebanyak 11.3 peratus. Pandemik COVID-19 bukan sahaja menjejaskan kumpulan pendapatan isi rumah malah isi rumah M40 dan T20. Sekitar 20 peratus (kira-kira 600 ribu isi rumah) dari kumpulan M40 beralih ke pendapatan di bawah B40.

3. Di samping itu, desakan ekonomi dan perubahan mendadak norma baharu ketika pandemik menjadi punca pelbagai masalah sosial dalam tempoh tersebut. Beberapa masalah sosial yang dikenal pasti menunjukkan peningkatan kes seperti isu tekanan emosi dalam kalangan masyarakat dan seterusnya membawa kepada isu kemurungan dan depresi. Impak krisis kesihatan juga membabitkan institusi keluarga. Kes perceraian dan keganasan rumah tangga telah dilaporkan meningkat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa. Manakala, penyebaran maklumat atau berita palsu melalui penggunaan

SOALAN NO : 38

media sosial juga merupakan perkara yang diberi perhatian serius oleh pihak Kerajaan.

4. Kerajaan mengambil serius kesan pandemik COVID-19 kepada sosioekonomi Keluarga Malaysia. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah melaksanakan strategi Pemulihan Ekonomi Negara 6R dengan tumpuan untuk melindungi kehidupan rakyat, kelangsungan perniagaan dan menjana ekonomi. Sebagai langkah jangka pendek, sebanyak lapan pakej rangsangan ekonomi dengan jumlah sebanyak RM530 bilion telah diumumkan oleh Kerajaan bagi membantu rakyat meneruskan kelangsungan hidup dalam tempoh mencabar ini dan telah memberi manfaat kepada kumpulan sasar.

5. Melalui Bajet 2021, Kerajaan meneruskan agenda meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan pemberian bantuan kepada rakyat khususnya golongan yang mudah terjejas termasuk kumpulan B40. Antara bantuan yang diberikan termasuk Bantuan PRIHATIN Rakyat (BPR) dahulunya dikenali sebagai BSH dengan bantuan kewangan sehingga RM1,800 dan Perlindungan MySalam dan Program Pengangkutan Awam di bawah My30. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM17.1 bilion yang memanfaatkan 10 juta penerima daripada golongan B40 dan M40 bagi tahun 2021.

6. Bagi strategi jangka sederhana dan panjang, Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025 akan meneruskan dasar dan strategi untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli serta kesejahteraan terutamanya isi rumah miskin dalam kalangan B40 dan M40 termasuklah menyediakan program peningkatan pendapatan serta peningkatan keupayaan; menambah baik akses kepada keperluan asas termasuk pendidikan, kesihatan dan perumahan; menggalakkan keusahawanan dan pelaburan kepada portfolio penjana pendapatan serta akses kepada pembiayaan kewangan; dan meningkatkan sistem perlindungan sosial.

7. Usaha mengurangkan ketidaksamarataan pendapatan antara isi rumah adalah penting dalam mencapai pengagihan yang saksama. Inisiatif ini termasuk menangani peningkatan kos sara hidup dan

SOALAN NO : 38

meningkatkan kuasa beli serta mengukuhkan perlindungan sosial. Bagi menangani peningkatan kos sara hidup dan meningkatkan kuasa beli, penguatkuasaan kawalan harga barang dan perkhidmatan akan dipertingkat untuk menangani manipulasi harga. Inisiatif foodbank dan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) akan membantu mengurangkan beban kewangan isi rumah miskin. Literasi dan pendidikan kewangan akan digalakkan pada semua peringkat umur.

8. Bagi menangani masalah sosial, Kerajaan berpandangan kerjasama strategik dan penglibatan semua kementerian dan agensi adalah penting bagi mengekang dan menangani isu-isu sosial dalam masyarakat. Perkara ini tidak hanya terhad kepada peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia sahaja.

9. Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menubuhkan Majlis Sosial Negara (MSN) pada tahun 2013 yang menjadi platform utama bagi agensi Kerajaan, ahli akademik dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) untuk membincangkan isu-isu sosial dan menjadi badan tertinggi dalam Kerajaan untuk mencari jalan penyelesaian bagi isu-isu tersebut. MSN ditubuhkan sebagai jentera pelaksana Dasar Sosial Negara yang merupakan dasar payung merangkumi falsafah dan pelbagai dasar pembangunan sosial negara.

10. Kerajaan percaya bahawa dasar dan strategi di atas dapat meningkatkan pendapatan dan membantu meringankan cabaran semasa dan masa hadapan termasuk impak pandemik COVID-19. Kerajaan optimis momentum pemulihan akan terus memberi impak positif kepada Keluarga Malaysia yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.